

Tajuk : Adakah Penganut Agama Buddha Penyembah Berhala?"  
Pengarang : Bhante Dr K Sri Dhammananda

## MENGHORMATI OBJEK

Di dalam setiap agama terdapat objek-objek atau simbol-simbol yang diberi penghormatan. Di dalam agama Buddha terdapat tiga objek agama yang utama untuk tujuan tersebut, iaitu:-

1. Saririka atau relik-relik Buddha.
2. Uddesika atau simbol-simbol agama seperti imej Buddha dan pagoda
3. Paribhogika atau barang-barang peribadi yang digunakan oleh Buddha

Sudah menjadi resam bagi semua penganut agama Buddha di seluruh dunia untuk memberi penghormatan kepada objek-objek di atas. Satu lagi tradisi Buddhis ialah mendirikan imej Buddha, pagoda serta menanam pohon Bodhi di setiap Vihara sebagai objek agama untuk diberi penghormatan.

Ramai yang salah faham dan menggangap penganut agama Buddha sebagai penyembah berhala. Salah faham ini disebabkan oleh kurangnya pengetahuan tentang ajaran Buddha serta adat-resam dan tradisi penganut agama tersebut.

Menyembah berhala secara amnya bermaksud mendirikan patung dewa-dewi di dalam berbagai bentuk untuk disembah, meminta restu dan perlindungan serta mengharapkan kemewahan, kesihatan dan kekayaan daripadanya di dalam agama-agama yang berunsurkan ketuhanan. Terdapat juga mereka yang berdoa untuk diberkati berbagai kesenangan walaupun kesenangan itu diperolehi dengan cara yang salah. Mereka juga berdoa agar dosa mereka diampunkan.

Menyembah kepada imej Buddha sebenarnya berlainan daripada konsep yang diterangkan diatas. Perkataan "menyembah" itu sendiri tidak memenuhi maksud sebenar daripada sudut pandangan agama Buddha. "Memberi penghormatan" merupakan istilah yang lebih tepat. Umat Buddhis tidak menyembah berhala atau imej. Mereka memberi penghormatan kepada seorang guru agama yang agung. Gambar-gambar dan imej didirikan bagi tujuan menghormati dan menghargai Pencerahan Sempurna dan kesempurnaan tertinggi yang dicapai oleh Buddha. Bagi seseorang Buddhis, imej Buddha hanya merupakan satu simbol yang membantunya mengingati Buddha.

Seseorang Buddhis melutut dan memberi hormat kepada imej Buddha yang sebenarnya mewakili Buddha. Mereka tidak harus memohon pertolongan daripada imej tersebut. Mereka merenung dan bermeditasi tentang Buddha untuk mendapatkan inspirasi daripada ciri-ciri peribadi Beliau yang mulia. Mereka cuba mengikuti ciri-ciri kesempurnaan Buddha dengan mengamalkan ajaran-ajaran Bhagava yang suci itu.

Seseorang Buddhis menghormati kebaikan dan kesucian guru agamanya yang diwakili oleh imej tersebut. Malah, penganut semua agama membentuk imej yang mewakili guru agama mereka sama ada yang boleh dilihat atau digambarkan di dalam fikiran mereka untuk tujuan menghormati guru agama mereka. Oleh itu, tidak tepat dan tidak adil untuk mengkritik dan menyatakan bahawa penganut agama Buddha merupakan penyembah berhala.

Amalan memberi penghormatan kepada seorang yang mulia seperti Buddha bukan satu perbuatan yang dilakukan atas sebab takut atau untuk memohon kebahagiaan dunia. Seseorang Buddhis percaya bahawa perbuatan menghargai dan menghormati ciri-ciri suci yang dipunyai oleh guru agama mereka merupakan satu perbuatan yang berpahala dan membawa berkat. Seseorang Buddhis juga percaya bahawa mereka sendiri yang bertanggungjawab diatas penyelamatan diri mereka; tidak harus bergantung kepada sesiapapun untuk penyelamatan mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat juga mereka yang berpendapat bahawa mereka boleh mendapat penyelamatan diri melalui perantaran pihak ketiga. Golongan ini yang mengkritik penganut agama Buddha sebagai penyembah imej seorang yang sudah tiada lagi di dunia. Jasad seseorang boleh mengalami disintegrasi dan menjadi juzuk konstituen (pepejal, cecair, haba dan arus) tetapi kemuliannya akan kekal selamalamanya. Seseorang Buddhis menghargai dan menghormati sifat-sifat mulia ini. Oleh itu, tuduhan melulu terhadap penganut agama Buddha merupakan satu perkara yang begitu malang, salah sama sekali serta tidak berasas.

Apabila kita mempelajari ajaran Buddha, kita akan memahami bahawa Bhagava telah menyatakan yang Buddha hanya merupakan seorang guru yang telah menunjukkan jalan yang benar untuk penyelamatan diri. Maka terpulang kepada penganutnya untuk menjalani kehidupan beragama dan menyucikan minda mereka untuk penyelamatan diri tanpa bergantung kepada guru agama mereka. Menurut Buddha, tiada tuhan atau guru agama yang dapat memasukkan seseorang ke dalam syurga atau neraka. Manusia mencipta syurga atau nerakanya sendiri melalui pemikiran, tindak-tanduk serta pertuturan mereka.

Oleh itu, menyembah kepada pihak ketiga untuk penyelamatan diri tanpa menyingkirkan fikiran yang jahat merupakan satu perbuatan yang sia-sia. Namun begitu, terdapat juga sesetengah orang termasuk penganut agama Buddha yang apabila sembahyang di hadapan imej Buddha akan mencurahkan masalah-masalah mereka, nasib malang yang dialami serta kesusahan yang dihadapi dan meminta pertolongan Buddha bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Walaupun perbuatan tersebut bukan satu amalan Buddhis yang sebenar, tetapi perbuatan yang sedemikian dapat mengurangkan ketegangan emosi, memberi inspirasi dan ketabahan hati serta azam kepada mereka untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Perkara ini juga satu kebiasaan di dalam agama-agama lain.

Bagi mereka yang benar-benar dapat memahami punca sebenar sesuatu masalah, mereka tidak akan melakukan amalan yang sedemikian. Semasa seseorang Buddhis memberi penghormatan kepada Buddha, dia menghormati Bhagava dengan melafazkan kalimat – kalimat yang memerincikan kemuliaan dan kesucian Buddha. Kalimat – kalimat ini bukan untuk meminta maaf daripada tuhan atau dewa – dewi di atas kesalahan dan dosanya. Kalimat – kalimat ini hanya bertujuan memberi pujian kepada seorang guru yang agung yang telah mencapai Pencerahan Sempurna serta menunjukkan cara hidup yang betul untuk kebaikan manusia. Penganut agama Buddha menghormati guru agama mereka kerana berterima kasih manakala penganut agama lain berdoa untuk mendapat kebaikan dan kesenangan. Buddha juga menasihati kita untuk “menghormati mereka yang wajar dihormati.” Oleh yang demikian, seseorang Buddhis boleh menghormati sebarang agama lain yang wajar dan layak dihormati.

Seseorang Buddhis tidak sembahyang. Sebaliknya dia mengamalkan meditasi untuk latihan minda dan disiplin diri. Untuk tujuan meditasi, sesuatu objek diperlukan. Tanpa objek, agak sukar untuk menumpukan minda kita. Kadang – kala, umat Buddhis

menggunakan imej atau gambar Buddha sebagai objek penumpuan fikiran dan pengawalan minda mereka.

Antara banyak objek meditasi, objek yang boleh dilihat dengan ketara mempunyai kesan yang lebih berkesan ke atas minda seseorang. Diantara lima pancaindera, objek yang kita tanggap melalui indera penglihatan (mata) mempunyai lebih pengaruh ke atas minda seseorang berbanding dengan indera yang lain. Pengaruh indera penglihatan ke atas minda seseorang lebih tinggi daripada indera lain. Oleh itu, objek yang dapat dilihat membolehkan minda kita mencapai penumpuan dengan lebih mudah dan lebih baik.

Imej yang kita tanggap merupakan pengetahuan subsedar (subconscious). Sekiranya Imej Buddha terbayang di dalam minda seseorang sebagai penjelmaan seorang yang sempurna, renungan seperti ini akan kekal di dalam subsedar. Kalau cukup kuat penumpuannya, renungan ini secara automatik menghalang kecenderungan yang jahat daripada mempengaruhi seseorang.

Sebagai satu objek yang dapat dilihat, Imej Buddha mempunyai kesan yang baik ke atas minda seseorang. Merenung pencapaian Buddha dapat menghasilkan kegembiraan, mengukuhkan minda serta menghapuskan keadaan tegang, resah dan kecewa di dalam diri seseorang.

Salah satu tujuan meditasi “Buddha – nussati”, iaitu renungan tentang ciri-ciri Buddha ialah untuk mewujudkan keyakinan terhadap Buddha dengan menyedari dan menghargai keagungan Beliau. Oleh itu, “menyembah” Imej Buddha merupakan satu pemasukan minda. “Menyembah” Imej Buddha tanpa puja, bernazar dan upacara keagamaan tidak harus dianggap sebagai penyembahan berhala tetapi sebagai satu cara penyembahan (memberi penghormatan) yang unggul.

## PENGHORMATAN

Sesetengah daripada kalimat yang dibaca oleh penganut agama Buddha untuk mengenang guru mereka yang agung sebagai tanda menghormati dan memuji Buddha berbunyi seperti berikut:-

Namo Tassa Bhagavato Arahato Sammasambuddhassa – Terpujilah Bhagava,  
Yang Maha Suci, Yang Telah Mencapai Pencerahan Sempurna.

Selanjutnya mereka membaca kalimat yang menerangkan ciri – ciri agaung dan kesucian Buddha seperti berikut:-

“Iti pi so Bhagava Araham Samma sambuddho vijja carana – sampanno  
Sugato Lokavidu Anuttaro Purisa dammasarathi Sattha Devamanussanam  
Buddho Bhagava ti”

Keseluruhan kalimat ini di dalam bahasa Pali. Sekitanya anda tidak biasa dengan bahasa ini, anda boleh melafazkan ayat – ayat tersebut di dalam bahasa yang anda ketahui. Terjemahannya di dalam bahasa Malaysia seperti berikut:-

“Demikianlah Bhagava, Yang Maha Suci, Yang Telah Mencapai Pencerahan Sempurna, Sempurna Pengetahuan serta tindak – tanduknya, Sempurna menempuh jalan (ke Nibbana), Pengenal segenap alam, Pembimbing yang tiada taranya, Guru para dewa dan manusia, Yang sedar, Yang patut dimuliakan”

## SEBUAH CERITA BUDDHIS

Terdapat sebuah cerita yang dapat membantu kita memahami kepentingan Imej Buddha untuk memberi inspirasi kepada kita serta mengenang Buddha. Cerita ini terdapat di dalam kitab suci Buddhis tetapi tidak di dalam Tipitaka Pali.

Beberapa ratus tahun selepas Buddha mangkat, terdapat seorang bhikkhu yang setia di India bernama Upagupta. Beliau merupakan penyebar agama yang paling popular pada masa itu. Setiap kali beliau menyampaikan ceramah Dhamma, beribu – ribu orang datang mendengar ceramah Dhamma yang disampaikannya.

Pada suatu hari, Mara berasa iri hati dengan kemasyhuran Upagupta. Mara mengetahui bahawa kemasyhuran Upagupta disebabkan penyebaran agama Buddha. Mara tidak suka ajaran Buddha mengambil tempat di hati dan fikiran orang ramai. Justeru itu, Mara menggunakan tipu muslihat untuk mempengaruhi orang ramai. Beliau merancang untuk menghalang orang ramai daripada mendengar penyampaian ceramah Dhamma oleh Upagupta. Pada suatu hari, semasa Upagupta memulakan penyampaiannya, Mara mengadakan satu pertunjukan bersebelahan dengan tempat penyampaian Dhamma oleh Upagupta. Satu pentas yang cantik muncul dengan tiba – tiba. Terdapat penari – penari wanita yang cantik serta ahli – ahli muzik yang menyeronokkan.

Orang ramai yang mendengar syarahan Upagupta mula beralih tempat untuk menikmati persembahan Mara. Upagupta memerhatikan bahawa ramai orang yang tertarik dengan persembahan itu meninggalkannya. Kemudian beliau juga bercadang untuk turut serta menyaksikan persembahan tersebut. Selepas itu Upagupta bercadang untuk memberi satu pengajaran kepada Mara.

Selepas persembahan itu tamat, Upagupta menghadiahkan satu kalungan bunga kepada Mara.

"Kamu telah mengadakan satu persembahan yang sungguh menarik," kata Upagupta.

Mara sudah tentu berasa gembira dan bangga dengan pencapaiannya. Dengan sukacitanya, Mara menerima kalungan bunga itu daripada Upagupta. Tiba – tiba kalungan bunga itu menjadi seperti satu lingkaran ular. Secara perlahan – lahan lingkaran itu menjadi semakin ketat dan mencerut leher Mara. Cerutan lingkaran itu sungguh sakit lalu cuba dibuka oleh Mara. Walau berapa kuat Mara menariknya, lingkaran itu tidak juga terbuka dari lehernya. Beliau bercadang untuk meminta pertolongan daripada Sakka, iaitu raja bagi segala deva. Beliau meminta Sakka membuka lingkaran itu. Sakka juga tidak dapat membukanya. "Saya tidak dapat membukanya," kata Sakka. "Pergilah kamu berjumpa Maha Brahma yang paling berkuasa itu."

Jadi, Mara pun pergi berjumpa dengan Maha Brahma dan meminta pertolongannya. Maha Brahma juga tidak berjaya membukanya. "Saya tidak dapat membuka lingkaran ini. Orang yang dapat membuka lingkaran ini ialah orang yang meletakknya di atas kamu," kata Maha Brahma.

Jadi, Mara terpaksa berjumpa dengan Bhikkhu Upagupta.

"Tolong bukakan lingkaran ini; ia sungguh menyakitkan," rayu Mara.

"Baiklah, saya boleh melakukannya tetapi dengan dua syarat," kata Upagupta. "Syarat pertama ialah kamu mesti berjanji tidak akan mengganggu penganut agama Buddha pada masa hadapan. Syarat kedua ialah kamu mesti menunjukkan rupa Buddha yang sebenarnya kepada saya kerana saya tahu awak pernah melihat Bhagava beberapa kali tetapi saya tidak pernah melihatnya. Saya ingin melihat rupa yang betul – betul serupa dengan Buddha berserta 32 tanda istimewa yang terdapat pada tubuhnya."

Mara berasa sungguh gembira. Dia bersetuju dengan syarat – syarat Upagupta. "Tapi hanya satu perkara", pohon Mara. "Sekiranya saya menukar diri saya menjadi rupa Buddha, kamu mesti berjanji tidak akan menyembah saya kerana saya bukannya seorang yang suci seperti kamu."

"Saya tidak akan menyembah kamu," janji Upagupta.

Tiba – tiba Mara berubah rupa menjadi seakan – akan rupa Buddha. Apabila Upagupta melihat imej itu, perasaanya dipenuhi dengan inspirasi dan kebahagiaan. Satu perasaan setia dan kebaktian wujud di hatinya. Dengan tangan yang beranjali, beliau menyembah Imej Buddha itu.

"Kamu telah memungkiri janji kamu," jerit Mara. "Kamu berjanji tidak akan menyembah saya. Sekarang, kenapa kamu menyembah saya?"

"Saya tidak menyembah kamu. Kamu mesti faham yang saya sedang menyembah kepada Buddha," kata Bhikkhu Upagupta.

Berdasarkan cerita ini, kita dapat memahami mengapa Imej Buddha penting untuk memberi perangsang kepada kita bagi mengingati Buddha supaya kita dapat menghormatinya. Sebagai penganut agama Buddha, kita sebenarnya tidak menyembah simbol atau bentuk yang hanya mewakili Buddha tetapi kita memberi penghormatan kepada Buddha.

## INSPIRASI DARIPADA IMEJ BUDDHA

Buddha telah pun mangkat dan mencapai Nibbana. Buddha tidak memerlukan penyembahan atau persesembahan kita. Akan tetapi Bhagava akan disembah dan ramai orang akan mendapat manfaat dengan mengikuti teladan Beliau serta mengikuti pengorbanan dan ciri-ciri Bhagava yang agung itu.

Seseorang Buddhis juga tidak melakukan pengorbanan binatang di atas nama Buddha.

Apabila seseorang Buddhis ternampak imej Buddha, kesetiaan (ketaatan) dan kebahagiaan wujud di dalam mindanya. Kesetiaan dan kebahagian ini merupakan satu objek yang menghasilkan pemikiran yang berpahala di dalam minda seseorang Buddhis yang setia. Imej Buddha juga membantu seseorang melupakan kerisauan, kekecewaan dan masalah-masalah serta membantu mengawal minda mereka.

Beberapa ahli falsafah serta ahli sejarah terkenal juga menyimpan imej Buddha di dalam bilik bacaan mereka. Imej ini dijadikan sebagai sumber inspirasi untuk kehidupan dan mencetus pemikiran yang lebih tinggi. Kebanyakan daripada mereka bukannya penganut agama Buddha. Ramai orang memberikan penghormatan kepada ibu bapa mereka yang telah meninggal, guru, perwira, raja dan permaisuri, ketua-ketua dan pemimpin negara serta orang-orang lain yang disayangi dengan menyimpan gambar-

gambar bagi mengenangkan mereka. Mereka mempersembahkan bunga untuk menyatakan perasaan kasih, terima kasih, penghargaan dan kesetiaan mereka. Mereka mengenang kembali ciri-ciri mulia, pengorbanan serta perkhidmatan yang telah diberikan oleh tokoh-tokoh ini semasa hidup mereka.

Manusia juga mendirikan tugu sebagai memperingati ahli-ahli politik tertentu yang telah mengorbankan berjuta nyawa yang tidak berdosa. Oleh kerana jahat dan tamakkhan kuasa, askar-askar mereka dihantar menakluki negara-negara yang miskin serta lemah sehingga mengakibatkan kekejaman, kesusahan dan penderitaan yang tidak terhingga kepada penduduknya. Sungguhpun begitu, mereka masih dianggap sebagai wira dan diadakan hari peringatan sebagai tanda penghormatan kepada mereka. Bunga-bunga diletak dan ditaburkan diatas kubur mereka. Sekiranya perbuatan mereka yang sedemikian boleh dihargai, kenapakah ada yang membuat kesimpulan bahawa penganut agama Buddha penyembah berhala?

Pada hal penganut agama Buddha memberi hormat kepada seorang guru agama yang telah berkhidmat kepada manusia tanpa mencederakan orang lain dan telah menakluki dunia melalui perasaan kasih belas kasihan dan kearifannya.

Bolehkah seorang yang waras menyatakan bahawa perbuatan menghormati imej Buddha sebagai sesuatu yang tidak bertamadun, tidak bermoral atau suatu perbuatan merbahaya yang boleh mengganggu keamanan dan kebahagiaan orang lain?

Sekiranya, sesuatu imej langsung tidak penting kepada manusia di dalam mengamalkan agama ini bermakna simbol-simbol agama dan tempat-tempat beribadat juga tidak diperlukan. Umat Buddhis dikutuk oleh setengah-setengah orang sebagai penyembah batu tetapi menyembah batu adalah tidak merbahaya dan sebaliknya adalah lebih mulia kalau dibandingkan dengan mereka yang membaling batu (melempar tuduhan) kepada penganut agama lain.

## KEPENTINGAN AMALAN

Walau bagaimanapun, untuk mengamalkan ajaran-ajaran Buddha, imej Buddha bukan satu kemestian . Seseorang Buddhis boleh mengamalkan ajaran Buddha tanpa imej. Mereka boleh berbuat demikian kerana Buddha tidak menggalakkan manusia membina “personality cult”. Mengikut ajaran Buddha, seseorang Buddhis tidak sepatutnya bergantung kepada Buddha orang lain mahupun kepada untuk menyelamatkan dirinya daripada belenggu Roda Kehidupan (Samsara).

Semasa Buddha masih hidup, terdapat seorang bhikku bernama Wakkali yang selalu duduk di hadapan Buddha dan mengagumi kecantikan rupa paras Buddha. Wakkali menyatakan yang beliau mendapat kebahagiaan dan inspirasi dengan mengagumi kecantikan Buddha. Buddha menjawab, “Kamu tidak dapat mengenali Buddha yang sebenarnya dengan hanya melihat rupa dan parasnya. Mereka yang mengenali ajaran saya yang benar-benar mengenali diri saya”.

Di dalam agama Buddha, aspek yang paling penting sekali ialah mengamalkan nasihat-nasihat yang diberikan oleh Buddha. Di dalam hal ini, tiada bezanya sama ada seseorang Buddhis memberi hormat kepada Buddha atau tidak. Akan tetapi bagi ramai penganut agama Buddha, perbuatan memberi hormat sangat penting. Walau bagaimanapun, Buddha tidak menyatakan yang Beliau mengharapkan orang ramai memberi hormat kepadanya.

## ASAL – USUL IMEJ BUDDHA

Bagaimanakah Imej Buddha mula didirikan? Sangat sukar untuk memastikan sama ada idea ini diberikan oleh Buddha atau tidak. Di dalam kitab suci Buddhis, tiada bahagian yang menyebut bahawa Buddha meminta imejnya di dirikan. Walau bagaimanapun, Buddha memang telah membenarkan relik Beliau disimpan.

Bhikkhu Ananda pernah pada suatu ketika ingin mengetahui sama ada Buddha membenarkan atau tidak sekiranya didirikan Pagoda sebagai satu peringatan terhadap Bhagava dan sebagai satu cara untuk memberikan penghormatan kepada Buddha. Justeru itu, Bhikkhu Ananda bertanya Buddha, "Adakah sesuai untuk mendirikan pagoda semasa Yang Mulia masih hidup?" Jawapan Buddha ialah, "Tidak, adalah tidak sesuai semasa Saya masih hidup. Kamu boleh mendirikan objek untuk penghormatan hanya setelah saya telah tiada lagi."

Di dalam penyampaian Dhamma Beliau yang terakhir, iaitu Maha Parinibbana Sutta, Buddha menasihati pengikutnya; iaitu sekiranya mereka ingin menghormati Buddha selepas Bhagava tiada lagi, mereka boleh mendirikan pagoda – pagoda untuk menyimpan reliknya. Nasihat ini selaras dengan adat resam di India pada masa itu di mana pagoda – pagoda didirikan untuk menyimpan relik orang – orang yang suci. Relik ini disimpan sebagai satu tanda peringatan dan sebagai tanda menghormati orang – orang yang suci. Buddha tidak menggalakkan pengikutnya untuk mendirikan imejnya selepas meninggal dunia. Idea untuk mendirikan Imej Buddha datang daripada pengikut – pengikutnya yang mahu mengingati guru mereka yang disayangi serta bertujuan mendapat inspirasi daripada peribadi Buddha yang luhur. Mereka juga menyimpan sebahagian daripada relik Buddha di dalam imej – imej tersebut tatkala didirikan.

Fa-hsien yang melawat India pada penghujung kurun yang keempat pernah menulis peristiwa bagaimana Imej Buddha yang pertama didirikan. Sungguhpun begitu, kitab – kitab suci Buddhis tidak menyebut apa – apa tentang pemerhatian Fa-hsien itu. Walau bagaimanapun metos yang dicatitkan itu seperti berikut:

Pada suatu ketika, Buddha berada di syurga selama tiga bulan menyampaikan Abhiddhamma atau Dhamma Yang Tertinggi. Semasa ketiadaan Beliau, mereka yang pergi ke vihara berasa sangat sedih kerena tidak dapat berjumpa atau melihat Buddha. Mereka telah buat berbagai sungutan. Bhikku Sariputta, ketua Bhikkhu Sangha telah pergi berjumpa dengan Buddha disyurga dan melaporkan masalah yang dihadapi. Buddha menasihati beliau supaya mencari seorang yang dapat mengukir imej yang menyerupainya. Orang ramai tentu akan gembila apabila melihat Imej Buddha. Sariputta pun kembali ke bumi dan terus berjumpa dengan Maharaja untuk meminta beliau menolong mencarikan seorang yang dapat mengukir replika Buddha. Tidak lama kemudian, orang yang dicari itu ditemui dan dia mengukir imej itu daripada kayu cedana. Selepas patung itu diletakkan di vihara, orang ramai menjadi gembira semula. Menurut Fa-hsien mulai saat itu, orang ramai mula meniru replika Buddha tersebut.

Sungguhpun begitu, sukar untuk ditemukan bukti daripada kesusasteraan dan sejarah agama Buddha bagi menyokong kenyataan wujudnya Imej Buddha di India sehingga hampir 500 tahun selepas Buddha mangkat. Sehingga masa tersebut, para pengikut agama Buddha biasanya menghormati Bhagava dengan menyimpan bunga teratai atau gambar kaki Buddha sebagai tanda penghormatan. Pada permulaannya, setengah – setengah Buddhis tidak bersetuju untuk mengukir Imej Buddha kerana kemungkinan imej yang diukur itu tidak dapat membayangkan rupa Buddha yang sebenarnya.

Ramai ahli sejarah percaya bahawa Imej Buddha buat pertama kalinya didirikan di India pada masa penjajahan bangsa Yunani. Orang – orang Yunani membantu dan menggalakkan orang – orang India di dalam seni membina Imej Buddha. Bermula daripada masa itu, masyarakat di negara – negara lain mula mendirikan Imej Buddha. Imej – imej itu diukir dan dibentuk mengikut gaya dan seni yang menggambarkan ciri – ciri fizikal orang – orang di negara masing – masing. Di setiap negara Buddhis itu sendiri, gaya dan bentuk Imej Buddha berubah – ubah mengikut zaman pemerintahan tertentu di negara masing – masing.

## PENDAPAT PARA INTELEKTUAL IMEJ BUDDHA

Bekas Perdana Menteri India, Pandit Nehru mengulas tentang imej Buddha seperti berikut:-

“Mata Beliau tertutup tetapi seolah – olah ada kuasa yang sedang melihat dan ada kuasa yang memenuhi strukturnya. Tahun demi tahun berlalu, tetapi Buddha seolah – olah tidak begitu jauh daripada kita; bisikan suaranya terdengar di telinga dan menyuruh kita supaya jangan lari daripada perjuangan tetapi hadapinya dengan tenang dan melihat akan peluang – peluang yang terbuka luas untuk terus berkembang dan maju.

Nehru juga pernah berkata, “Semasa saya merengkok di dalam penjara, saya sentiasa memikirkan tentang imej Buddha. Imej Buddha betul – betul menjadi sumber inspirasi kepada saya.”

Semasa Perang Dunia kedua, General Ian Hamilton terjumpa sebuah Imej Buddha di dalam sebuah vihara yang termusnah di Burma. Beliau mengirimkan imej tersebut kepada Winston Churchill yang pada masa itu merupakan Perdana Menteri Britain dengan satu pesanan:-

“Apabila Tuan Churchill rungsing, cuba lihat imej ini yang wajahnya begitu tenang. Sudah pasti kerunsingan Tuan akan hilang.”

Count Keyserling, seorang ahli falsafah berkata:-

“Saya belum menjumpai apa jua yang lebih agung di dalam dunia ini selain daripada imej Buddha: imej itu satu penjelmaan spiritual yang sungguh sempurna di dalam domain penglihatan.”

Seorang lagi ahli cendekiawan berkata:-

“Imej – imej Buddha yang kita lihat merupakan satu simbol bagi mewakili ciri – ciri mulia. Penghormatan yang diberikan kepada Buddha sebenarnya merupakan satu simbol penghargaan terhadap keagungan dan kebahagian yang kita ketemui melalui ajarannya.”

Ketenangan dan keluhuran imej Buddha telah menjadi satu konsep kecantikan yang unggul bagi umum. Imej Buddha merupakan satu-satunya harta pesaka kebudayaan Asia yang paling berharga dan dipunyai oleh ramai orang. Tanpa imej Buddha, Asia hanya akan dikenali sebagai satu kawasan geografikal sahaja walau semakmur mana ia mungkin wujud.

Seseorang Buddhis menghormati imej Buddha sebagai tugu seorang guru agama yang teragung, paling arif, paling sempurna serta tinggi belas kasihannya yang pernah hidup di dunia ini. Imej ini diperlukan untuk mengingati kembali Buddha serta ciri-ciri: Bhagava

yang telah memberikan inspirasi kepada berjuta – juta manusia daripada satu generasi kepada satu generasi lain di sepanjang ketamadunan dunia. Imej ini menolong seseorang Buddhis menumpukan perhatian kepada Buddha. Mereka dapat merasakan kehadiran Buddha di dalam minda mereka; kehadiran Buddha menjadikan penghormatan mereka lebih jelas dan bermakna.

Sebagai seorang Buddhis, sangat sesuai sekiranya anda mempunyai imej atau gambar Buddha di dalam rumah anda. Simpan patung atau gambar ini sebagai objek untuk dikagumi, mendapat inspirasi dan untuk diberi penghormatan, bukannya sebagai satu objek penghiasan. Imej Buddha yang luhur merupakan satu simbol yang memancarkan kasih sayang suci, kesucian dan kesempurnaan yang menjadi sumber ketenangan dan inspirasi bagi membantu anda mengatasi masalah – masalah serta kerungsingan yang ditempuhi di dalam aktiviti-aktiviti seharian di dunia yang penuh dengan berbagai masalah ini.

Apabila anda memberi penghormatan kepada Buddha, anda akan mendapat manfaat sekiranya diikuti dengan sessi meditasi yang pendek dengan menumpukan minda kepada ciri-ciri agung dan mulia Buddha. Sekiranya anda memikir akan Guru yang Agung ini, anda akan dapat menyempurnakan diri anda menerusi ajarannya. Tidak menghairankan sekiranya penghormatan tersebut diluahkan di dalam bentuk seni yang paling halus dan indah yang pernah dilihat di dalam tamadun dunia.

Seorang lagi penulis terkenal menyatakan di dalam bahawa falsafah beliau tentang maksud sebenar memberi hormat kepada Buddha, seperti berikut:-

“Kita juga memerlukan amalan memberi penghormatan walaupun pemujaan itu ditujukan bukan kepada seorang manusia kerana sebenarnya semua personaliti merupakan satu impian sahaja; penghormatan tersebut terhadap suatu yang dianggap unggul di dalam hati kita. Dengan itu, kita dapat menemui kekuatan baru dan membina singahsana (kegemilangan) kehidupan kita sendiri, membersihkan hati kita sehingga mempunyai peluang (yang amat bernilai) untuk menanggung imej (Buddha) tersebut di dalam perlindungan kasih sayang yang mendalam. Pada tempat pemujaan itu, kita semua perlu mempersembahkan pemberian – pemberian. Bukannya pemberian cahaya yang akan padam, bunga – bunga yang akan layu dan lenyap tetapi amalan kasih sayang, pengorbanan dan sikap tidak semata – mata mementingkan diri sendiri (selflessness) terhadap semua yang berada di sekeliling kita.”

Anatol France di dalam autobiografinya menulis, “Pada 1hb May 1890, saya berpeluang untuk melawat sebuah muzium di Paris. Di dalam muzium itu, berdirinya imej “Dewadewi Asia” dengan senyap dan cukup merendahkan diri. Lantas pandangan saya tertumpu kepada Imej Buddha yang menjemput umat manusia yang menderita untuk memperkembangkan pemahaman dan belas kasihan. Sekiranya tuhan pernah berjalan di atas muka bumi ini, saya merasakan beliaulah (Buddha) orangnya. Saya berasa hendak melutut dan menyembah beliau seolah – olah dialah Tuhan.”

Encik Ouspensky, seorang lagi penulis Barat, mencurahkan perasaannya tentang imej Buddha yang dijumpainya di Sri Lanka. Beliau berkata, “Imej ini merupakan satu seni yang sungguh istimewa. Saya tidak terjumba seni lain yang setanding dengan imej Buddha ini yang mempunyai mata yang bersinar seperti permata biru. Maksudnya, saya belum terjumba satu seni yang dapat mencerminkan dengan sempurna idea sesuatu agama seperti yang dibayangkan oleh imej ini tentang agama Buddha. Dengan memahami wajah Buddha, kita dapat memahami agama Buddha.” Selanjutnya beliau berkata, “Tidak perlu membaca banyak buku tentang agama Buddha atau belajar

dengan professor yang mengkaji agama – agama di Timur atau pun belajar dibawah bimbingan seseorang bhikkhu yang bijak. Seseorang mesti datang ke sini, berdiri di hadapan Imej Buddha ini dan membiarkan pancaran mata birunya menembusi kehidupannya dan dia akan memahami agama Buddha.”

Seni membina Imej Buddha yang indah dan lukisan – lukisan dinding yang menggambarkan berbagai – bagai cerita agama Buddha telah mendorong perkembangan seni dan kebudayaan di hampir kesemua negara Asia selama lebih daripada dua ribu tahun.

Apakah yang menyebabkan ajaran – ajaran Buddha diminati oleh manusia yang telah memperkembangkan intelektual mereka? Jawapannya mungkin terletak pada wajah Buddha yang melambangkan ketenangan. Keyakinan terhadap Buddha dan ajarannya yang memikat hati tidak hanya digambarkan di dalam lukisan sahaja. Kemahiran mendirikan Imej Buddha daripada logam dan batu merupakan salah satu daripada ciptaan teragung oleh manusia.

Sekirannya seorang Buddhis benar – benar ingin melihat kecemerlangan dan keindahan Buddha, mereka patut mengamalkan ajaran – ajaran Beliau di dalam kehidupan sehari – harian. Hanya dengan mengamalkan ajaran Beliau, mereka dapat merapatkan diri dan merasakan keindahan sinaran kearifan dan belas kasihan Buddha yang tidak kunjung padam. Hanya menghormati imej Buddha tanpa mengikuti ajaran Beliau bukannya cara untuk menyelamatkan diri daripada belenggu Roda Kehidupan.

Kehidupan yang begitu indah, hati yang begitu suci dan baik, minda yang mampu mendalami sesuatu serta telah mencapai Pencerahan Sempurna, mempunyai dorongan sahsiah yang tinggi dan tidak mementingkan diri sendiri. Kehidupan yang sebegitu sempurna, hati yang sebegitu berbelas kasihan, minda yang sebegitu tenang serta sahsiah yang sebegitu luhur, wajar dihormati, diberi penghormatan dan diberi persembahan. Buddha merupakan kesempurnaan dan ciri kemanusiaan yang tertinggi itu.

Sir Edwin Arnold menerangkan ciri – ciri Kebuddhaan di dalam bukunya “Cahaya Asia” seperti berikut:-

“Buddha bagaikan bunga di pohonan manusia yang berkembang untuk beribu – ribu tahun. Takkala berkembang, ruang dunia dipenuhi dengan keharuman kearfannya dan kasih sayang sucinya.”

Seorang penyajak India yang terkemuka, Rabindranath Tagore mengubah sebuah puisi yang menunjukkan betapa pentingnya kehadiran Buddha:-

Semua makhluk memekik pintakan kelahiran barumu.  
Oh, Kamu yang tiada batasan kehidupan  
Selamatkan mereka, bangkitkan suaramu  
Biarkan teratai cinta,  
dengan madu yang tak terhingga itu,  
mengembangkan kelopaknya  
di dalam sinaran cahaya Mu.

Oh Kecerahan, Oh Kebebasan  
Dengan belas kasihan dan kebaikan Mu  
Yang tidak terhingga,

Bersihkan semua kenodaan  
daripada muka bumi ini.

Namo Buddhaya – Saya memberi penghormatan kepada Buddha.

Diterjemahkan oleh Rakan-rakan se Dhamma,  
Universiti Sains Malaysia

Penyelaras : Hong Tai Fook

Penterjemah : Tan Hock Ming  
: Kong Sook Fong

Penyunting : Sim Miw Ing  
: K. Don Premaseri

UNTUK BUKAN MUSLIM SAHAJA